



Dr Mahathir bersama isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali hadir pada majlis Majlis Malam Tautan Muhibbah 2019 di Laman Zarliih, Kuala Lumpur, malam tadi.

Teliti subsidi elaun, gaji siswazah tempatan

> Pemberian melalui majikan masih dalam peringkat perbincangan

Oleh Rohaniza Idris, Irwan Shafrizan Ismail dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan meneliti cadangan untuk pemberian subsidi elaun dan gaji kepada siswazah tempatan melalui majikan yang menggaji mereka.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu dikemukakan pada Mesyuarat Khas Kabinet di Perdana Putra, semalam.

Katanya, subsidi tidak langsung itu akan diberikan melalui syarikat yang sukarela untuk melaksanakannya.

"Kita ada cadangan tetapi belum ada keputusan. Kita akan kaji sama ada kita ada wang cukup atau tidak (bagi menye-

diakan subsidi berkenaan)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Platform e-Dagang Digital Bohai Commodity Exchange (BOCE) Malaysia/ASEAN di sini, semalam.

Bantu dapatkan kerja

Semalam, sebuah akhbar melaporkan kerajaan berhasrat untuk menyediakan RM6 bilion sebagai subsidi elaun dan gaji muda mendapatkan pekerjaan.

Akhbar itu memetik sumber sebagai berkata dalam Mesyuarat Khas Kabinet kelmarin, kerajaan mempertimbang untuk menyediakan elaun RM700 hingga RMI,000 kepada siswazah baharu.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat kelmarin membincangkan masalah lambakan pekerja asing di negara ini, yang mengambil peluang bekerja di sini kerana orang tempatan yang tidak mahu bekerja dalam bidang tertentu.

"Jadi, salah satu sebabnya mungkin kerana upah yang tidak begitu tinggi, tetapi kalau upah terlalu tinggi, barangan kita akan menjadi terlalu mahal sehingga tidak boleh bersaing dengan barangan negara lain.

"Justeru, ada pihak yang

membuat cadangan kalau boleh kita buat subsidi tidak langsung. Dengan cara itu, gaji dan pendapatan akan meningkat, pekerja kita akan bekerja serta tidak lagi bergantung kepada pekerja asing," katanya.

Beliau berkata, setiap tahun, negara kerugian berbilion ringgit kerana pekerja asing menghantar balik pendapatan yang diperoleh ke negara asal mereka.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis Majlis Malam Tautan Muhibbah 2019 anjuran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Dr Mahathir berkata, kerajaan berusaha memastikan semua lapisan masyarakat, kaum dan latar belakang berkongsi kemakmuran negara ini.

Perdana Menteri berkata untuk itu semua pihak perlu berusaha bukannya sekadar mengharapkan bantuan dan sokongan kerajaan semata-mata.

Katanya, jika kita berusaha dan bekerja, hasil yang diperoleh itu akan lebih nikmat.

"Menjadi dasar kerajaan Pakatan Harapan (PH), mereka yang bekerja akan mendapat upah dan gaji yang setimpal.

"Bekerja dan berusaha mendapatkan upah itu lebih mulia, halal dan terasa nikmatnya berbanding tidak bekerja tetapi

mendapat upah. Adalah amat hina mendapatkan duit tetapi tidak bekerja," katanya.

Kerja waktu malam

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan sedang memikirkan untuk mengalihkan waktu bekerja siang kepada waktu malam dalam sektor pekerjaan tertentu.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bagi memudahkan pekerja tempatan terutama mereka yang terpaksa bekerja di tengah panas.

Katanya, ia juga sebagai langkah menggalakkan rakyat bekerja dalam sektor yang kini bergantung kepada tenaga kerja asing.

"Rakyat kita tidak mahu bekerja dalam sektor kotor, berpanas, bahaya dan berisiko menyebabkan pekerja asing merebut peluang dan bekerja dalam sektor itu.

"Untuk itu, kerajaan kini mahu mempermudah supaya kerja yang berat, berpanas, kotor dan bahaya itu dipermudahkan. Jika tidak sanggup kerja berat, kita jadikan ringan dengan bantuan mesin.

"Jika mahu bekerja dalam bangunan dan tidak mahu berpanas, kerajaan sedang memikirkan untuk memperkenalkan waktu bekerja pada waktu malam," katanya